



Headline: Rugi RM1.2j ditipu sindiket menyamar pegawai LHDN Language: Malay

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 22 September 2021

Page: 16

## Rugi RM1.2j ditipu sindiket menyamar pegawai LHDN

**Kuala Lumpur:** Seorang wanita warga emas kerugian lebih RM1.2 juta selepas diperdaya sindiket penipuan Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan polis.

Mangsa berusia 61 tahun dan bekerja sebagai pembangun perisian teknologi maklumat di syarikat swasta itu mula menerima panggilan telefon daripada pemanggil yang mendakwa daripada pihak LHDN pada 29 Julai lalu.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial (JSJK) Kuala Lumpur, Superintendan Tan Poh Cheok, berkata sindiket mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai dan terbabit kes pengubahan wang haram.

"Mangsa kemudian dihubungi individu dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka mendakwa

namanya tersenarai dalam individu dikehendaki dan meminta dia mengaktifkan akaun bank baharu untuk tujuan siasatan.

"Pemanggil kemudian meminta mangsa menyalurkan semua maklumat mengenai penyata gaji, insurans, bank dan penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta maklumat saham miliknya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Poh Cheok berkata, mangsa turut diarahkan membuat beberapa transaksi daripada akaun bank lain dan wang pengeluaran KWSP milik mangsa ke dalam akaun bank yang baharu diaktifkan itu.

"Tanpa pengetahuan mangsa, wang dalam akaun baharunya dipindahkan ke beberapa akaun bank yang tidak dikenali.

"Mangsa turut menerima surat pemakluman me-

lalui WhatsApp bahawa transaksi pindahan wang itu adalah bagi tujuan pembekuan akaun," katanya yang turut memaklumkan jumlah keseluruhan kerugian dialami mangsa ialah RM1,215,600.

Mangsa yang menyedari ditipu kemudian membuat laporan polis, kelmarin.

Poh Cheok berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan siasatan sedang dijalankan.

"Polis menasihatkan orang ramai tidak mendedahkan maklumat peribadi serta perbankan kepada pihak tidak dikenali dan buat semakan sebelum melakukan transaksi.

"Sebarang jenayah atau pun aktiviti yang mencurigakan, hubungi Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-21460584/0585 atau mana-mana balai polis berdekatan," katanya.